



## KEPENTINGAN TAKAFUL DALAM MEMPERKASA MATLAMAT PEMULIHARAAN NYAWA

*Nurul Atikah Zulkifli, Nurul Hadirah Mohd Rasid, Nurul Syahadah Mazlan\*,  
Nur Izzazi Ismadi & Siti Ziana Adilla Aziz*  
[syahadah890@gmail.com](mailto:syahadah890@gmail.com)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Pada era kini, insurans memainkan peranan penting dalam kehidupan semasa manusia yang mana merupakan salah satu mekanisme pengurusan risiko dalam menangani sebarang kemungkinan yang tidak terduga. Takaful merupakan satu instrumen kewangan berkonsepkan kerjasama dan perlindungan yang diperkenalkan sebagai alternatif kepada insurans konvensional, iaitu pelan perlindungan berteraskan Muamalat Islam yang selari dengan hukum Shariah. Pemuliharaan nyawa adalah perkara kedua yang terkandung dalam daruriyat khoms Maqasid al-Shariah. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat kepentingan takaful sebagai mekanisme dalam memperkasa matlamat pemuliharaan nyawa. **Metodologi:** Penulisan berbentuk kualitatif dengan mengumpulkan bahan-bahan kepustakaan. Ia kemudiannya akan dianalisis secara induktif dan deduktif demi menjelaskan topik ini. **Dapatan:** Hasil daripada kertas kerja ini dapat memperlihatkan kelebihan takaful dalam memperkasa aspek pemuliharaan nyawa. Ia merangkumi perlindungan-perindungan yang diberi kepada ahli, keluarga mahupun komuniti yang terlibat dari sudut tanggungan perubatan, hilang upaya, kematian dan lain-lain. Elemen akad yang diaplikasikan dalam takaful ialah al-mudarabah, at-tabarru' dan al-wakalah dalam menangani unsur gharar, riba' dan perjudian. **Kesimpulan:** Takaful adalah salah satu mekanisme moden dalam penjagaan nyawa yang selari dengan maqasid penjagaan nyawa. Ia adalah satu bentuk mekanisme perlindungan nyawa yang diadaptasi dari peradaban barat dan bersesuaian dengan Maqasid Syariah. Apatah lagi dengan mendepani pelbagai risiko dan keperluan kehidupan pada zaman moden ini.

**Kata kunci:** Takaful, Daruriyat Khoms, Kepentingan, Pemuliharaan Nyawa, Akad, Dunia dan Akhirat

---

### Pengenalan

Dalam menjalani kehidupan seharian, manusia tidak dapat lari daripada menerima ujian daripada Allah SWT yang mana ujian ini merupakan risiko-risiko dalam kehidupan. Dengan kata lain, tanpa persediaan awal, kebarangkalian berlakunya musibah atau tragedi akan berhadapan dengan risiko yang lebih mencabar. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, beberapa kaedah pengurusan risiko yang diterima pakai untuk meminimumkan risiko-risiko yang berlaku ialah melalui insurans.

Insurans merupakan satu mekanisme yang berasaskan prinsip bersaling, yang terbina bertujuan untuk menubuhkan dana am. Ia juga diperlukan sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak terduga di masa akan datang. Dalam bidang pengurusan moden, perancangan mengelakkan musibah yang tidak diingini disebut “pengurusan risiko” atau “*risk management*”. Insurans terbahagi kepada dua konsep iaitu insurans konvensional dan takaful. Kedua-dua ini mempunyai tujuan yang sama dalam membantu dan memberi manfaat kepada individu-individu yang dalam kesusahan. Namun begitu, dari segi perjalanan operasinya berbeza-beza<sup>1</sup>.

Antara persamaan yang terdapat dalam skim insurans dan takaful ialah berasaskan konsep kerjasama dengan kedua-duanya berfungsi untuk membantu individu yang ditimpa musibah. Dalam takaful, individu telah bersetuju untuk saling membantu melalui tabungan yang berdasarkan konsep *tabarru'* semasa membuat kontrak. Manakala, insurans pula merupakan kerjasama antara syarikat pengendali insurans dengan pihak yang dilindungi. Selain itu, persamaan lain dalam kedua-dua skim ini adalah berteraskan konsep ikhtiar dan tawakal<sup>2</sup> yang mana sebagai langkah persediaan awal menghadapi kerugian akibat ketidaktentuan risiko yang mungkin berlaku.

Manakala dari sudut perbezaan, urusanniaga dalam takaful hanya melibatkan pelaburan dana yang dibenarkan oleh syariah. Syarikat takaful tidak terlibat dalam penyerahan dana jaminan tetapi penglibatan tersebut hanya melibatkan para peserta. Segala penyerahan tuntutan dikeluarkan daripada tabung yang telah terkumpul. Pengendali takaful hanya berfungsi pengusaha tabung wang peserta. Namun begitu, syarikat insurans konvensional sendiri yang menanggung peserta-peserta dalam penyerahan dana.

### **Objektif Kajian**

- i) Untuk melihat kepentingan takaful sebagai mekanisme dalam memperkasa matlamat pemuliharaan nyawa
- ii) Untuk melihat bagaimana skim takaful diaplikasikan dalam kehidupan manusia hari ini bagi mencapai Maqasid Shariah

---

<sup>1</sup> Asmak Abd Rahman, Joni Tamkin Borhan, Patmawati Hj Ibrahim, Azizi Che Seman, Nor Aini Ali, *Sistem Takaful Di Malaysia: Isu- isu Kontemporari*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008

<sup>2</sup> Asmak Abd Rahman et al, *Sistem Takaful Di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*

- iii) Untuk mengetahui kepentingan berasaskan elemen-elemen akad dalam skim takaful dalam pemuliharaan nyawa.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan bagi menjawab permasalahan kajian. Metodologi kajian yang terancang penting bagi memastikan objektif yang telah digariskan dalam sesuatu kajian tercapai. Kajian ini secara kesuluruhannya akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Oleh itu, bagi merealisasikan objektif kajian ini, pengkaji menggunakan tiga metod utama untuk mendapatkan maklumat iaitu metod pengumpulan data.

#### **i. Kaedah Pengumpulan Data**

Penulis telah menggunakan satu kaedah pengumpulan data yang berkaitan dengan subjek penyelidikan iaitu melalui kaedah penyelidikan perpustakaan. Metod ini merupakan satu pengkajian yang sangat penting bagi memperolehi data dan maklumat serta fakta berkaitan dengan tajuk kajian. Pemilihan dan pengambilan data merangkumi sumber primer dan sekunder. Antara bahan-bahannya ialah:

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan tiga metod pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat penting bagi menghasilkan kajian dengan tepat dan jelas iaitu,

##### **1) Metod kepustakaan**

Metod kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kajian bagi mendapatkan maklumat. Metod ini akan digunakan sepenuhnya oleh pengkaji dalam bab ini bagi menjelaskan kepentingan skim takaful dalam aplikasi Maqasid Shariah. Metod ini digunakan dengan meneliti bahan-bahan perpustakaan sama ada berbentuk tesis, jurnal, monograf dan sumber-sumber yang sesuai dengan tajuk kajian ini. Walau bagaimanapun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat sesuai dengan tajuk kajian ini. Walau bagaimanapun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan. Antaranya perpustakaan yang dikunjungi ialah perpustakaan Al-Mukhtar UniSZA Kampus Gong Badak.

## Dapatan Kajian

### a) Takaful

Menurut Akta Takaful 1984, takaful ditakrifkan sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan kewangan kepada para peserta jika diperlukan di mana para peserta mana-mana bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu. Pada asasnya sistem takaful berteraskan sikap tanggungjawab, jamin-menjamin, perlindungan dan saling membantu di kalangan pesertanya. Ia bertujuan menggalakkan sifat tolong-menolong dan perpaduan di kalangan para peserta selari dengan konsep *taawun*. (saling bekerjasama).

Agama Islam mengendaki kita supaya bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain dalam hal kebajikan dan sebaliknya menegah kita tolong-menolong dalam melakukan kejahatan serta bermusuhan-musuhan. Hal ini jelas seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2 :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: *Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.*

*(al-Maidah: 5, 2)*

Takaful memberikan perlindungan terhadap risiko. Namun begitu, takaful ialah salah satu insurans yang berasaskan prinsip Shariah iaitu apabila seseorang yang menyertai skim ini akan memeterai kontrak untuk bersetuju membantu peserta lain dalam skim apabila mengalami kerugian atau kemalangan yang ditetapkan. Takaful mempunyai pelbagai jenis tujuan untuk melindungi harta benda, nyawa, kesihatan dan lain-lain. Antara produk yang memenuhi keperluan ialah takaful keluarga. Takaful keluarga merupakan salah satu instrumen yang memberikan bantuan kewangan kepada tanggungan apabila individu meninggal dunia. Antaranya ialah:

- i. Takaful motor akan memberikan pampasan bagi kerugian tertentu disebabkan kerosakan pada kenderaan akibat kealangan yang dihadapi. Selain itu juga, memberikan pampasan untuk kerugian pihak lain yang diakibatkan oleh kenderaan bermotor dalam sesuatu kemalangan.
- ii. Takaful kemalangan diri, membayar sejumlah wang sekiranya seseorang itu hilang upaya disebabkan kemalangan atau meninggal dunia
- iii. Takaful perubatan dan kesihatan, membayar pampasan bagi pelbagai jenis perbelanjaan hospital dan perubatan sekiranya seseorang itu sakit atau mengalami kecederaan. Pampasan ini termasuk bayaran bilik dan makanan di hospital, perkhidmatan profesional serta keperluan dan perkhidmatan perubatan.
- iv. Takaful isi rumah akan membayar pampasan bagi kerugian tertentu apabila rumah atau harta peribadi musnah ketika situasi kebakaran, banjir dan sebagainya.

Berdasarkan klasifikasi pelan takaful di atas, secara realitinya dapat diketahui bahawa kesemua pelan berikut mempunyai keterikatan dengan prinsip-prinsip Shariah dalam takaful antaranya:

- i. *Al-Mudharabah* (berkongsi untung)  
*Mudharabah* merupakan suatu perkongsian dalam bidang pelaburan dan perdagangan yang menguntungkan serta mempunyai penggabungan modal dan usahawan untuk diusahakan. Perolehan keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah yang disepakati. Namun, apabila berlaku kecuaiian dan salah laku yang bukan berpunca daripada kecuaiian, maka kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal. Dari sudut pandang takaful pula, selain jamin-menjamin antara sesama peserta dalam mendapatkan kemudahan perlindungan, para peserta juga berhak mendapat pulangan keuntungan yang dikongsi bersama syarikat sekiranya syarikat memperoleh keuntungan daripada pelaburan yang dibuat<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup> Asmak Abd Rahman et al, *Sistem Takaful Di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*

ii. *Al-Tabarru'*

Secara umumnya *tabarru'* merupakan suatu kontrak ganjaran atau sedekah iaitu melepaskan sebahagian daripada sumbangan sebagai derma untuk memenuhi tanggungjawab, saling membantu, digunakan untuk membayar tuntutan yang diajukan oleh penuntut yang layak<sup>4</sup>.

Seterusnya, konsep *tabarru'* juga selari dengan konsep takaful yang beerti saling jamin menjamin antara satu sama lain, maka matlamat pemuliharaan nyawa yang terbina ini menggambarkan rancangan perlindungan bersama. Bahkan konsep *tabarru'* ini juga selari dengan tuntutan agama Islam yang mana bertujuan untuk membantu seseorang dalam kesusahan<sup>5</sup>. Seterusnya, konsep *tabarru'* juga menjadi teras utama yang menghindarkan takaful dari unsur *gharar* (ketidakpastian), *maisir* (perjudian) dan *riba*<sup>6</sup>.

Dalam industri takaful yang diperkenalkan ialah *tabarru'* yang bersyarat di mana setiap peserta yang menyertai takaful hendaklah menderma bersesuaian dengan risiko yang dialami<sup>7</sup>. Syarikat terpaksa menetapkan kadar *tabarru'* untuk memastikan tabung *tabarru'* yang disertai oleh semua peserta tidak terjejas untuk memberi keadilan kepada semua pihak.

iii. *Al-Wakalah*

*Al-Wakalah* merupakan perlantikan daripada satu pihak ke pihak yang lain melakukan kerja bagi pihaknya yang dikenali sebagai agen (wakil). Agen berfungsi sebagai wakil bagi pihak peserta dan akan dibayar yuran sebagai bayaran perkhidmatan untuk perkhidmatannya. Namun begitu hukum Islam juga tidak menetapkan sebarang yuran dikenakan dalam sebuah perlantikan wakil dalam agensi<sup>8</sup>. Yuran yang dikenakan oleh pihak pengendali takaful merupakan suatu manfaat ke atas kepakaran melabur dan menguruskan kumpulan wang takaful<sup>9</sup>.

---

<sup>4</sup> Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, *Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur: IBFIM, 2010

<sup>5</sup> Asmak Abd Rahman et al, *Sistem Takaful Di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*

<sup>6</sup> Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko Dan Insurans*, Selangor: Prentice Hall, 2006

<sup>7</sup> Tobias Frenz & Younes Soualhi, *Takaful And Retakaful: Advanced Principles and Practices*, Kuala Lumpur: IBFIM, 2010

<sup>8</sup> Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, *Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd, 2010

<sup>9</sup> Jamil Ramly, Saiful Yazan Ahmad, Ahmad Mazlan Zulkifly dan Mohd Hawari Mohammad Hussin, *Buku Panduan Asas Takaful: Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Mesbah Sdn Bhd, 2010

## **b) Maqasid al-Shariah**

Shariah Islam diturunkan oleh Allah untuk memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia. Objektif maqasid hukum Islam ini ialah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat. Maqasid al-Shariah ialah tujuan dan rahsia-rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum yang telah disyariatkan iaitu untuk mendatangkan kebahagiaan kepada individu dan masyarakat, memelihara undang-undang dan seterusnya untuk memakmurkan dunia sehingga mencapai tahap kesempurnaan, kebaikan, kemajuan dan ketamadunan yang tinggi<sup>10</sup>. Matlamat utama hukum Islam adalah bagi memelihara kemaslahatan yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia dalam kehidupan bermasyarakat.

## **c) Maqasid *Hifz Al Nafs***

*Hifz al nafs* dalam martabat maqasid syariah berada pada kedudukan yang kedua dalam empat prinsip yang lain. Ibnu Asyur menghurai maksud *hifz al nafs* sebagai memelihara roh individu dan masyarakat secara menyeluruh daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Ini kerana alam terdiri daripada beberapa unit individu manusia yang mempunyai keunikan sebagai asas kepada ketamadunan dunia. Selain itu, *hifz al nafs* bukan bermaksud melaksanakan hukuman qisas semata-mata sebagaimana yang difahami oleh sebahagian para fuqaha, malah hukuman qisas adalah elemen yang tersangat lemah dalam *hifz al nafs* kerana ia akan menghilangkan sebahagian daripada nyawa. Justeru itu, memelihara nyawa manusia dalam konteks prinsip maqasid syariah lebih baik daripada menjatuhkan hukuman sebagaimana mencegah penyakit yang berjangkit adalah lebih utama daripada merawat epidemik berkenaan.

## **Perbincangan**

Skim takaful memberi penekanan dari sudut semangat kerjasama dan tanggungjawab sesama para peserta. Menerusi kajian yang dilakukan, didapati terdapat beberapa kelebihan takaful dalam memperkasa matlamat *hifz nafs*. Antara kelebihanannya ialah, peserta yang terlibat akan memperoleh pulangan manfaat sempena tempoh matang yang

---

<sup>10</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz, *Maqasid al-Shariah*, Selangor: IIUM Press International University Malaysia, 2012

akan dibayar kepada dirinya sendiri. Namun, sekiranya peserta berkenaan meninggal dunia terlebih dahulu maka perolehan manfaat tersebut diserahkan kepada ahli waris yang merupakan penama dalam kontrak perjanjian takaful<sup>11</sup>.

Selain itu, peserta juga boleh memperolehi jaminan pampasan dengan kadar yang segera apabila ditimpa sebarang musibah yang tidak dijangka<sup>12</sup>. Peserta tidak perlu bimbang dan terbeban untuk memikirkan pembiayaan yang perlu ditanggung kerana segala peruntukan tersebut di bawah tanggungan dana takaful. Seterusnya, jaminan perlindungan kewangan yang disediakan berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang mana berbentuk perlindungan bersama di kalangan peserta-peserta skim takaful.

Dalam melibatkan diri dengan skim takaful juga peserta memperoleh manfaat dari sudut rohaniah kerana peserta bukan sahaja memperoleh manfaat dari segi jaminan perlindungan sebaliknya peserta juga berpeluang memperoleh manfaat dari segi rohaniah sekiranya mereka turut meletakkan kebajikan sebagai matlamat utama menyertai skim takaful<sup>13</sup>. Ini kerana, selain mencarum untuk keperluan diri dan keluarga, para peserta juga dapat memenuhi tanggungjawab yang disyariatkan oleh agama dan tuntutan sosial menerusi tiga prinsip utama yang terkandung dalam skim ini iaitu saling bertanggungjawab, saling bekerjasama dan bantu-membantu dan saling lindung-melindungi dalam sebarang kesusahan.

Takaful adalah alternatif kepada insurans konvensional yang berdaya maju dan mematuhi tuntutan Shariah. Persaudaraan, kerjasama dan solidariti di antara semua pihak merupakan dasar utama dalam takaful. Secara umum, pemilihan kontrak di antara peserta dan pengendali takaful sangat bergantung kepada keperluan individu dan strategi pihak-pihak terbabit. Pilihan kontrak yang luas memberikan fleksibiliti dan memenuhi keperluan kepada semua pihak.

---

<sup>11</sup> Abdul Basir bin Mohamad dan Jafril Khalil, *Isu Shariah dan Undang-undang: Siri 7*. Jurnal Shariah dan Undang-undang, 1999

<sup>12</sup> Mohd Zain Abd Rahman, *Buku Panduan Asas Takaful: Edisi Pertama*, Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn Bhd, 2010

<sup>13</sup> Shazana Muhamed Sa'ad, *Takaful Sebagai Alternatif Kepada Insurans Konvensional Untuk Meninggikan Taraf Hidup Ekonomi Umat Islam*, Jurnal Insurans



## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, takaful dan insurans semakin berkembang searus dengan pemodenan negara. Hal ini dapat dibuktikan apabila ramai individu yang mula melibatkan diri dalam skim ini. Masyarakat kian sedar akan kepentingan takaful dalam memperkasa matlamat pemuliharaan nyawa yang dapat menjamin kelestarian hidup. Meskipun pada kedua-duanya terdapat unsur-unsur persamaan nilai-nilai murni serta elemen-elemen maqasid al-shariah namun masalah sebenar yang menepati piawaian syarak menjadi titik pemisah yang membezakan antara keduanya. Maka, ciri-ciri masalah syariah sebagaimana terdapat dalam takaful yang menjadikan ianya berbeza dengan insurans konvensional. Ini kerana elemen akad yang digunakan dalam skim takaful berbeza berbanding insurans konvensional yang mana menggunakan prinsip al-mudharabah, al-tabarru' dan al-wakalah. Apabila kesemua prinsip ini dapat diperkemas lagi dalam skim takaful maka akan menarik minat individu untuk menyertai skim takaful.

## **Penghargaan**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah subjek Maqasid al-Syar'iah iaitu Dr Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik kerana memberi tunjuk ajar dalam melaksanakan kertas kerja ini. Selain itu, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr Farah Syazrah Binti Mohd Ghazalli di atas bimbingan dan perkongsian ilmu mengenai selok belok format kertas kerja ini. Tidak ketinggalan juga ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan kerana telah banyak membantu dalam menyiapkan kertas kerja ini.

## **Rujukan**

- Abdul Basir bin Mohamad dan Jafril Khalil. (1999). Isu Syariah dan Undang-undang: Siri 7. *Jurnal Syariah dan Undang-undang*.
- Abdullah Alwi Hj Hassan, Asmak Abd Rahman, Joni Tamkin Borhan, Patmawati Hj Ibrahim, Azizi Che Seman, Nor Aini Ali dan Mohd Yahya Mohd Hussin. (2005). *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Arif Fathillah Mohd Safar. (2011). *Analisis Terhadap Elemen Maqasid Dalam Produk Takaful Ikhlas di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Pengajian Islam Universiti Malaya
- Asmak Abd Rahman, Joni Tamkin Borhan, Patmawati Hj Ibrahim, Azizi Che Seman dan Nor Aini Ali. (2008). *Sistem Takaful Di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali. (2010). *Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd

- Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid. (2006). Prinsip Pengurusan Risiko Dan Insurans. Selangor: Prentice Hall
- Jamil Ramly, Saiful Yazan Ahmad, Ahmad Mazlan Zulkifly dan Mohd Hawari Mohammad Hussin. (2010). Buku Panduan Asas Takaful: Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Mesbah Sdn Bhd
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz. (2012). Maqasid al-Shariah, Selangor: IIUM Press International University Malaysia
- Mark S. Dorfman & Saul W. Adelman. (1992). Life Insurance. America: Dearborn Financial Publishing
- Mark S. Dorfman. (1993). Pengenalan Kepada Insurans. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohammad Muslehuddin. (1988). Insurans Dan Hukum Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Fadzli Yusof. (1996). Takaful Sistem Insurans Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Mohd Fadzli Yusof. (2006). Mengenal Takaful. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd
- Mohd Zain Abd Rahman. (2010). Buku Panduan Asas Takaful: Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn Bhd
- Shazana Muhamed Sa'ad. (2009). Takaful Sebagai Alternatif Kepada Insurans Konvensional Untuk Meninggikan Taraf Hidup Ekonomi Umat Islam. *Jurnal Insurans*.
- Tobias Frenz & Younes Soualhi. (2010) Takaful And Retakaful: Advanced Principles and Practices. Kuala Lumpur: IBFIM
- W.A Dinsdale, D.C McMurdie. (1993). Unsur-unsur Insurans. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Portal Rasmi Muamalat Dan Kewangan Islam (2019) <http://e-muamalat.islam.gov.my/> (12 Oktober 2019)
- Info Insurans (2007) [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) (16 Oktober 2019)